

Cubaan gagalkan projek Perwaja

GURUN 1 Sept. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau kesal ada pihak-pihak tertentu cuba menggagalkan projek hiliran Perwaja Steel dengan mendakwa kononnya syarikat pengeluar besi itu mengaut keuntungan di atas penjualan mesin-mesin paku kepada masyarakat kampung. “Amatlah menyedihkan jika usaha yang murni ini disambut dengan tuduhan yang tidak berasas sama sekali,” kata Perdana Menteri.

Berucap merasmikan projek tersebut di Kompleks Perwaja di sini hari ini, Dr. Mahathir, menambah, sikap cemburu sebenarnya tidak akan membawa faedah dalam dunia perniagaan.

Kata Dr. Mahathir, beliau sememangnya merasa sedih apabila mendengar ada pihak yang tidak puas hati kononnya mesin paku yang dijual kepada para peserta projek hiliran (berharga hampir RM400,000) terlalu mahal kerana Perwaja membuat keuntungan di atas penjualan itu.

“Kita haruslah ingat, dalam dunia ini tidak ada benda yang diperolehi secara percuma. Dalam perniagaan kena ada pelaburan

kerana tanpa pelaburan, mustahil untuk kita berniaga.

“Malangnya, sikap orang kita kalau boleh tidak mahu mengeluarkan modal. Sebab itulah kita dapat di tepi-tepi jalan, jika dapat naikan tiang empat pacak dan bumbung beratapkan plastik itu sudah cukup memadai dan kesemua hasil jualan dianggap sebagai keuntungan.

“Dalam dunia perniagaan hari ini, cara itu tidak praktikal lagi,” kata Perdana Menteri.

Menurut Dr. Mahathir, jika ada yang menuduh Perwaja ingin mencari keuntungan, beliau tidak akan marah kerana memang Perwaja patut membuat keuntungan sebab syarikat itu adalah milik kerajaan.

“Saya berpendapat, membuat sedikit keuntungan tidak menjadi satu kesalahan asalkan diagih-agihkan kepada semua pihak.

“Dalam projek hiliran ini, orang kampung yang mengambil bahagian akan mendapat keuntungan yang jauh berlipat kali ganda daripada apa yang mereka perolehi sebagai petani.

“Mereka yang mengambil bahagian sebenarnya tidak perlu bersusah payah menjual paku kerana Perwaja

memberi jaminan paku yang dikeluarkan akan ditanggung oleh Perwaja. Apa yang perlu mereka lakukan ialah menekan butang dan melakukan pengawasan ketika mesin itu berjalan.

“Jika dengan cara ini pun Perwaja dikedam maka ia amatlah menyedihkan. Kita sepatutnya bersyukur kerana Perwaja di bawah pimpinan Tan Sri Eric Chia mengeluarkan idea untuk menyalurkan projek paku ini kepada orang kampung.

“Syarikat swasta yang lain memerlukan perunding yang dibayar upah beribu-ribu ringgit untuk mencungkil idea baru dalam dunia perniagaan, tetapi Perwaja memberi idea ini percuma kepada kita.

“Oleh itu kita harus tahu berterima kasih dan bukannya mengecam usaha itu atau menyoal harga mesin yang dijual itu,” jelas Perdana Menteri.

Di bawah konsep projek hiliran, orang kampung yang mempunyai syarat yang ditetapkan oleh Perwaja akan dibekalkan mesin serta kemudahan-kemudahan pengeluaran paku yang kemudiannya dijual oleh Perwaja di pasaran antarabangsa.

Setelah ditolak bayaran ansuran pembelian mesin

dan modal, untung bersih setiap peserta projek ini setiap bulan adalah sekitar RM4,000 jika mereka mampu mengendalikan mesin ini tiga syif sehari.

Selepas 10 tahun, iaitu tempoh tamatnya pembayaran semula harga mesin dan modal yang dilaburkan, keuntungan mereka dijangka berlipat ganda.

Dalam ucapannya itu, Dr. Mahathir juga mengingatkan bahawa perusahaan hiliran ini ada potensi untuk berkembang dan mereka yang bersungut tidak perlu menyoal kenapa orang lain pun membuat keuntungan kerana sesiapa sahaja yang berniaga memang perlu membuat untung.

Apa yang penting, katanya, ialah sama ada semua pihak mendapat manfaat daripada projek ini.

Sambil menyebut Proton sebagai contoh, Dr. Mahathir berkata, jika semua orang mahu membuat keuntungan seorang diri, syarikat pengeluar kereta itu tidak perlu menjual kereta yang dikeluarkan kepada EON.

EON pula, katanya, tidak perlu melantik ejen-ejen untuk menjadi jurujual kereta.

“Kalau Proton tanya

kenapa EON dan ejen jual kereta patut berkongsi keuntungan daripada hasil industri kereta, maka kerja akan menjadi susah dan perniagaan akan terbantut.

“Jadi saya menyeru mereka yang berminat hendak berniaga supaya tidak menyoal mengenai keuntungan orang lain.

“Cara itu tidak sihat dan kalau kita asyik kecam dan membuat tuduhan yang tidak berasas kepada orang yang mengeluarkan idea ini, sudah tentu mereka yang bersusah payah memikirkannya berkecil hati,” katanya lagi.

Beliau menambah, sikap tidak tahu berterima kasih samalah seperti menggigit tangan orang yang menyuap ke mulut dan akhirnya tidak ada siapa yang sudi membantu lagi.

Perwaja Steel, kata Dr. Mahathir melontarkan idea projek hiliran ini untuk memanfaatkan golongan bumiputera dan oleh itu adalah wajar mereka yang mendapat faedah daripadanya bersyukur kerana mereka yang tahu bersyukur akan dilimpahi nikmat oleh tuhan.